

STPM Kertas 1 2018:

Soalan 2

- (a) Beri tiga perbezaan antara susut nilai dengan pelunasan. (3 markah)
- (b) Urus niaga yang terlibat dalam Perniagaan Gula Batu dalam tahun semasa yang berakhir pada 30 Jun 2017 adalah seperti yang berikut:
- (1) Perniagaan Gula Batu memperoleh 5,000 unit saham biasa Syarikat Idaman Berhad pada harga RM2.80 sesaham. Kos urus niaga yang dilibatkan ialah sebanyak 2% daripada jumlah harga saham. Perniagaan Gula Batu menjangka akan memegang saham ini untuk tempoh lebih dari 12 bulan.
 - (2) Perniagaan Gula Batu telah membelanjakan sebanyak RM172,000 untuk menambah baik sistem pengurusan maklumat perniagaan. Amaun ini termasuk kos memperoleh perisian sebanyak RM125,000, kos pengujian dan pengubahsuaian sebanyak RM5,000, lesen tahunan sebanyak RM25,000, kos latihan pekerja sebanyak RM6,000, dan amaun bakinya adalah untuk peralatan komputer.
 - (3) Pada 1 Mac 2017, Perniagaan Gula Batu telah memperoleh hartanah dengan membayar sebanyak RM240,000. Melalui urus niaga ini Perniagaan Gula Batu memiliki sebidang tanah dan sebuah bangunan kilang. Nilai saksama pada tarikh perolehan bagi tanah ialah RM75,000 dan bagi bangunan ialah RM175,000. Perniagaan Gula Batu turut berbelanja berjumlah RM22,000 untuk mengubahsuai bangunan kilang dan memasang sistem keselamatan.
 - (4) Perniagaan Gula Batu telah memperoleh sebuah kenderaan baharu berharga RM119,500. Perniagaan Gula Batu turut membelanjakan amaun untuk insurans kenderaan sebanyak RM2,300, cukai jalan sebanyak RM900, pemasangan cermin gelap sebanyak RM1,200 dan mengecat warna dan logo syarikat sebanyak RM500.
 - (5) Perniagaan Gula Batu memperoleh sebuah paten daripada N'Bio dengan melibatkan kos berjumlah RM45,000. Paten ini memberi hak eksklusif kepada perniagaan untuk menggunakan teknologi yang didaftarkan selama lapan tahun. Perniagaan Gula Batu akan menggunakan teknologi ini selama lima tahun sebelum bertukar kepada teknologi baharu yang sedang dibangunkan sendiri.
 - (6) Perniagaan Gula Batu mengamalkan kaedah susut nilai garis lurus dengan kadar susut nilai tahunan 5% bagi bangunan, 10% bagi kenderaan, dan 20% bagi peralatan. Nilai sisa bagi bangunan dianggarkan bersamaan 10% daripada kos manakala bagi kenderaan, dan peralatan dianggarkan bersamaan dengan 5% daripada kos aset. Polisi Perniagaan Gula Batu telah mengenakan susut nilai satu tahun penuh dalam tempoh perolehan aset, manakala tiada susut nilai dikenakan dalam tahun pelupusan aset.

Dikehendaki:

- (i) Hitung kos perolehan:
 - (1) Tanah
 - (2) Bangunan kilang
 - (3) Kenderaan
 - (4) Perisian komputer

(5 markah)

- (ii) Sediakan catatan jurnal bagi merekod semua urusan niaga di atas.

(9 markah)

- (iii) Hitung belanja susut nilai bangunan dan kenderaan, dan pelunasan paten bagi tahun semasa.

(3 markah)